



**TEKS UCAPTAMA**  
**YBHG. DATO' HJ. ZULKIPLY BIN RAMLI**  
**KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**SEMPENA SEMINAR *HOME HELP* PERINGKAT NEGERI SARAWAK  
DI EASTWOOD VALLEY GOLF & COUNTRY CLUB, MIRI, SARAWAK  
PADA 20 OGOS 2015 (KHAMIS)**



## **SALUTASI**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Saudara/saudari Pengacara Majlis;**

**Salam Kebajikan dan Salam 1Malaysia**

1. YBrs. Tuan Hj. Abg Shamshudin bin Abg Seruji  
Pengarah JKM Negeri Sarawak

2. YBrs. En. Zulkifli bin Ismail  
Pengarah Bahagian Komuniti, JKM
3. Dif-dif Jemputan
4. Para Pegawai dan kakitangan JKM, dan
5. Peserta seminar sekalian.

## **MUKADIMAH**

**Saudara-saudari sekalian,**

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Komuniti, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan JKM Negeri Sarawak kerana mengundang saya untuk menyampaikan ucap tama sempena Seminar *Home Help* Peringkat Negeri Sarawak pada pagi ini. Saya sangat bersyukur kehadiran Allah SWT dan rasa bertuah kerana berkesempatan untuk bersama dengan peserta Seminar *Home Help* dan semua yang hadir pada pagi ini.

2. Tahniah dan syabas kepada pihak penganjur kerana dapat mengumpulkan seramai 220 orang peserta seminar yang terdiri daripada Petugas *Home Help* serta pegawai-pegawai JKM yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Program *Home Help* di negeri Sarawak. Saya dimaklumkan sejak hari Rabu lagi para peserta daripada seluruh negeri Sarawak telah berkampung di Eastwood Valley Golf & Country Club, Miri untuk mengikuti Seminar *Home Help* Peringkat Negeri Sarawak yang julung-julung kali diadakan.

3. Seminar yang diadakan ini sangat signifikan memandangkan semenjak Program *Home Help* dilaksanakan secara NBOS dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi segmen 1Malaysia *Family Care* pada tahun 2012, program ini telah melalui beberapa fasa penting dalam menyediakan perkhidmatan sokongan sosial kepada kumpulan sasar yang memerlukan iaitu warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU). Idea dan inovasi baru dalam pelaksanaan program ini sangat diperlukan supaya ia dapat mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh Petugas *Home Help* kepada klien.

4. Seminar ini sudah tentu memberi manfaat yang besar kepada para peserta kerana ia menjadi wadah perbincangan dan perkongsian kepakaran yang sangat efektif dalam usaha Jabatan untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan Program *Home Help* agar terus relevan dan menepati keperluan semasa. Malah seminar ini juga merupakan satu-satunya platform yang memberi peluang kepada Petugas *Home Help* untuk berkongsi pengalaman dan menyuarakan pandangan demi kelangsungan dan masa depan program ini.

5. Program *Home Help* telah mula dilaksanakan mulai Julai 2012 di bawah inisiatif 1Malaysia Family Care yang dijalankan secara kerjasama strategik dengan KKM. Program *Home Help* diadakan bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan sosial kepada warga emas dan OKU demi mencapai objektif seperti berikut:

- i. Memberi bantuan dan sokongan sosial kepada warga emas dan OKU menjalani kehidupan seharian mereka dengan lebih selesa, dihormati dan tidak merasai diri mereka disisihkan;



- ii. Memberi bantuan dan sokongan sosial kepada keluarga yang menjaga warga emas dan OKU supaya terus mengambil tanggungjawab menjaga dan melindungi ahli keluarga yang tergolong sebagai warga emas dan OKU;
  
- iii. Menggerakkan peranan masyarakat dalam usaha membantu warga emas dan OKU atau keluarga yang menjaga warga emas dan OKU selaras dengan konsep masyarakat penyayang; dan

iv. Menggalakkan warga emas dan OKU terus tinggal di kediaman masing-masing dan hidup dalam suasana kekeluargaan dan masyarakat.

6. Secara prinsipnya, JKM menyediakan perkhidmatan bantuan sokongan sosial kepada klien, manakala KKM menawarkan perkhidmatan bantuan sokongan kesihatan. Perkhidmatan yang disediakan oleh KKM merupakan pelengkap kepada perkhidmatan yang disediakan oleh JKM. Justeru itu, Program *Home Help* ini merupakan program yang paling berkesan untuk memayungi kesejahteraan hidup warga emas dan OKU dengan kos yang efektif.

## **SEHATI SEJIWA, KOMUNITI SEJAHTERA.**

Saudara-saudari sekalian,

7. Saya amat tertarik dengan tema yang dipilih bagi Seminar *Home Help* iaitu, “*Sehati Sejiwa, Komuniti Sejahtera*”. Tema yang dipilih sangat signifikan dan bertepatan dengan keperluan kita untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu hati dan mengamalkan sikap toleransi dalam kalangan masyarakat. Tema ini juga bersesuaian dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini yang membawa cerminan roh kesepaduan, kesefahaman,

kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat kepada Malaysia negara tercinta. Kesenadaan sehati sejiwa setiap lapisan masyarakat Malaysia akan terus menyatukan kita tanpa mengira garis sempadan nautika lautan, susur galur keturunan, kepercayaan, adat resam dan negeri kelahiran.

8. Dalam konteks Program *Home Help*, sukarelawan yang menjalankan tugas dengan sepenuh hati sudah tentu memberi kesan yang sangat mendalam kepada klien. Seperti yang diketahui, mereka yang terlibat dengan kerja-kerja kesukarelaan merupakan insan yang terpilih. Hanya mereka yang berjiwa murni, cekal dan memiliki hati

budi mulia sahaja bersedia mengorbankan masa, tenaga dan harta untuk membantu golongan yang memerlukan.

9. Saya sangat menghargai para sukarelawan yang menyumbang dengan gigih demi kesejahteraan bersama. Ia juga bertujuan menggalakkan perkembangan kesukarelawanan (*volunteerism*) yang lebih tersusun dan berkesan dalam masyarakat. Penglibatan sukarelawan dalam kerja-kerja komuniti seperti Program *Home Help* ini dapat melancarkan proses pemerksaan komuniti melalui penglibatan aktif komuniti secara sukarela untuk pembangunan dan kesejahteraan bersama.

10. Sehubungan dengan itu, solidariti seluruh ahli dalam komuniti mampu membantu golongan minoriti yang terpinggir tanpa perlu bantuan dan penglibatan pihak luar. Komuniti yang sehati sejiwa bukan sahaja secara muafakat membantu tetapi ia juga berupaya membentuk komuniti yang sejahtera. Bah kata pepatah “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”, “bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”. Inilah hasilnya apabila kita semua sehati sejiwa. Manusia yang lemah sekalipun jika bersatu padu akan dapat menggoncang dunia. Demikianlah kesannya perpaduan.

## PENDAMPINGAN DAN INTEGRASI SOSIAL

Saudara-saudari sekalian,

11. Program *Home Help* dibentuk melalui pendekatan pendampingan sosial (*social outreach*). Menerusi kaedah ini, warga emas dan OKU yang memerlukan perkhidmatan bantuan sokongan sosial tidak perlu merujuk kepada JKM tetapi sebaliknya kakitangan JKM yang perlu mencari klien untuk menawarkan perkhidmatan. Program *Home Help* bukan sekadar program yang memberikan perkhidmatan sokongan sosial kepada klien, tetapi ia juga

merupakan perkhidmatan pemulihan, penjagaan dan pengintegrasian klien yang dilakukan oleh sukarelawan dalam komuniti.

12. Selain daripada memberi fokus kepada usaha penjagaan dan perlindungan kepada klien, perkara yang jauh lebih penting adalah bagaimana peranan sukarelawan dapat membantu klien untuk terus kekal dalam komuniti. Proses pengintegrasian klien dalam komuniti memerlukan usaha tanpa henti dan komitmen berterusan. Program *Home Help* sebagai kerja komuniti memerlukan penglibatan (*involvement*) atau penyertaan (*participation*) dan peranan aktif anggota-anggota komuniti dalam proses kerja. Penglibatan aktif komuniti merupakan suatu mekanisme utama dalam proses



pemeriksaan klien supaya mereka mampu meningkatkan kesejahteraan hidup.

13. Sehubungan dengan itu, Petugas *Home Help* seharusnya mempunyai minat terhadap komuniti mereka dan bersedia berkongsi dengan rela hati, ikhlas dan tanpa mengharapkan ganjaran material. Petugas *Home Help* mesti mempunyai perancangan strategik untuk membangunkan komuniti. Petugas *Home Help* hendaklah berfikiran terbuka, prihatin dan sentiasa mengutamakan klien dalam apa juga tindakan dan keputusan yang dibuat. Petugas *Home Help* perlu menyediakan rangka kerja dan pelan tindakan yang tersusun. Sebab

itulah, Program *Home Help* yang dilaksanakan ini dilengkapi dengan program latihan yang intensif berpandukan kepada Garis Panduan Pelaksanaan Program Khidmat Bantu di Rumah yang menjadi rujukan kepada sukarelawan untuk melaksanakan kerja-kerja komuniti.

## **IMPLIMENTASI DASAR**

Saudara-saudari sekalian,

14. Adalah menjadi keutamaan JKM untuk memastikan Program *Home Help* berfungsi sebagai alat (*tool*) membangunkan

kesejahteraan komuniti. Dalam usaha memperkasa dan meningkatkan kualiti hidup warga emas dan OKU melalui Program *Home Help*, JKM senantiasa memastikan program ini dilaksanakan selaras dengan dasar-dasar yang berkaitan dengan warga emas dan OKU. Dalam konteks pemerikasaan warga emas contohnya, falsafah Dasar Warga Emas Negara (DWEN) mengiktiraf warga emas sebagai warganegara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman, mempunyai hak untuk menikmati kehidupan sejahtera, dihormati dan boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara.

15. Justeru itu, kesejahteraan warga emas dalam konteks dasar ini merangkumi 5 dimensi utama iaitu dimensi kesihatan (penuaan sihat), sosial (penuaan aktif), ekonomi (penuaan produktif), kerohanian (penuaan positif) dan persekitaran (penuaan menyokong). Warga emas akan hidup dengan sejahtera apabila dapat menikmati keseimbangan dalam kelima-lima dimensi ini. Melihat kepada kepentingan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas, Program *Home Help* dibentuk selari dengan objektif DWEN iaitu menjamin warga emas hidup selamat dan dilindungi, serta membentuk sistem penyampaian perkhidmatan warga emas yang berkesan dan bersepadu.

16. Salah satu strategi DWEN ialah memperkukuhkan skim perlindungan sosial untuk kumpulan warga emas yang memerlukan (*vulnerable*). Program dan tindakan untuk strategi ini ialah memperluaskan perkhidmatan sokongan penjagaan kepada keluarga yang menjaga warga emas dari aspek penjagaan, kerja rumah, rawatan dan jagaan sementara (*respite care*). Turut diberikan tumpuan adalah menyediakan latihan kepada sukarelawan dan ahli keluarga untuk menjaga warga emas.

17. Selaras dengan itu, Program *Home Help* telah diperkenalkan sebagai inisiatif kerajaan untuk menghadapi fenomena penuaan

penduduk yang mana Malaysia dijangka akan mencapai status 'negara tua' pada tahun 2030 apabila peratusan warga emas berusia 60 tahun dan ke atas mencecah 15 peratus. Sehingga tahun 2014, terdapat seramai 2.69 juta orang warga emas berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sehingga Jun 2015 seramai 139,314 orang warga emas menerima Bantuan Orang Tua (BOT). Fenomena ini memberi kesan dalam aspek sosial, kesihatan dan ekonomi sesebuah negara. Justeru itu, perancangan yang teliti perlu dibuat sebagai persediaan awal supaya warga emas dapat menjalani kehidupan dengan sempurna dan terjaga.

18. Golongan OKU juga adalah sebahagian daripada masyarakat. OKU didefinisikan sebagai seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera. Dasar OKU telah menggariskan beberapa strategi yang meliputi pelbagai bidang dan salah satu daripada bidang tersebut adalah penglibatan masyarakat. Berdasarkan strategi ini, penglibatan sukarelawan amatlah digalakkan dalam program pembangunan OKU. Oleh sebab itu, apa yang terkandung dalam Akta OKU menjadi agenda yang tersirat melalui Program *Home Help*. Program *Home Help* bukan sahaja menjadi medium perkhidmatan sokongan sosial yang paling mampan

dan efektif kepada OKU, tetapi ia juga berupaya menyediakan ruang pemerksaan OKU yang terlibat.

19. Perluasan perkhidmatan Program *Home Help* kepada OKU merupakan alternatif kepada penempatan ke institusi kebajikan dengan hasrat untuk mengurangkan kebergantungan kepada program penginstitutionan OKU dan sebagai langkah penjimatan kos. Ini secara tidak langsung dapat membantu menjayakan inisiatif kerajaan melalui pendekatan *Deinstitutionalisation* (DI) dengan hasrat untuk mengurangkan kemasukan klien ke institusi-institusi kebajikan kerajaan, swasta dan NGO. Pada masa yang sama, OKU dapat meneruskan kehidupan dalam komuniti setempat dan menggalakkan



proses pengintegrasian untuk membentuk masyarakat penyayang (*caring society*).

20. Perlu kita sedari, Program *Home Help* juga berperanan sebagai proses membantu orang ramai memperbaiki komuniti mereka sendiri melalui tindakan kolektif secara autonomi. Ini membawa maksud, Petugas *Home Help* dapat membantu meningkatkan kesejahteraan komuniti melalui perkhidmatan bantuan sokongan sosial yang telah disediakan. Ini bertepatan dengan pandangan Alan Twelvetrees (2008) yang mendefinisikan kerja komuniti sebagai “*Community work (especially community development work) is... the process of*

*assisting people to improve their own communities by undertaking autonomous collective action”.*

21. Dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan bantuan sokongan sosial ini diselia secara sistematik, Program *Home Help* telah ditadbir urus oleh Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Program di peringkat Ibu Pejabat JKM yang berfungsi untuk memantau pelaksanaan di peringkat negeri. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat bukan sahaja bertindak sebagai *administrative*, tetapi turut berperanan merancang, memberi nasihat teknikal berhubung pelaksanaan program serta mengadakan rundingan dan penyelarasan dalam

perancangan dan pelaksanaan program yang melibatkan pelbagai agensi. Di peringkat negeri pula, dibentuk Jawatankuasa Pelaksanaan Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah JKM Negeri dengan dianggotai sama oleh pihak Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini.

## **PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN**

Saudara-saudari sekalian,

22. Sehingga 15 Ogos 2015, JKM telah berjaya menarik penglibatan aktif sejumlah 1,961 orang sukarelawan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan sosial kepada 6,583 orang klien. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,337 orang adalah warga emas dan 1,246 OKU. Pada tahun 2014, Program *Home Help* telah ditetapkan sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menasaskan sebanyak 1,500 orang klien baru. Sehingga Disember 2014, JKM telah berjaya mencapai sejumlah 2,227 klien baru iaitu 1,580 orang warga emas dan 647 OKU. Angka ini melebihi KPI yang ditetapkan iaitu pencapaian sebanyak 148 peratus. Pencapaian yang melebihi sasaran ini membuktikan program ini telah diterima baik oleh

masyarakat dan menjadikan ia sebagai program teras dalam sektor komuniti.

23. Program *Home Help* berjaya mencapai beberapa pengiktirafan semenjak ia diperkenalkan. Antara pencapaian dan pengiktirafan yang diperolehi ialah sepertimana maklumat berikut:

**a) Tersenarai Sebagai Inisiatif NBOS**

Pengiktirafan yang paling utama yang dicapai ialah apabila Program *Home Help* dipilih oleh pihak kerajaan sebagai salah

satu inisiatif NBOS. Kejayaan program ini disenarai sebagai salah satu inisiatif di bawah NBOS7-1Malaysia *Family Care* membuktikan keyakinan dan kepercayaan kerajaan kepada perkhidmatan program ini kerana ia menjadi pemangkin kepada kelestarian agenda sosial negara.

**b) Diiktiraf Sebagai Program Inovasi Sosial Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Pengiktirafan lain yang diperoleh oleh program ini ialah apabila diangkat sebagai Program Inovasi Sosial Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Pengiktirafan ini diberi oleh pihak KPWKM kerana program ini bukan sahaja telah berjaya menjadi medium terbaik kepada pihak kerajaan untuk mendekati dan membantu rakyat, tetapi ia turut menjadi antara program perkhidmatan sosial yang paling hadapan dalam sejarah penubuhan KPWKM. Impak program ini kepada kumpulan sasar dan Petugas *Home Help* sangat dirasai dan ia bertepatan dengan usaha KPWKM untuk memenuhi ruang dan tuntutan spiritual rakyat yang memerlukan.

Program *Home Help* berjaya memberi faedah yang besar kepada kumpulan sasar jabatan khususnya kepada warga emas, OKU dan ahli keluarga mereka. Perkhidmatan sokongan sosial yang ditawarkan kepada mereka bukan sahaja telah menyentuh hati rakyat malah turut menjadi pengajaran berguna kepada komuniti setempat akan kepentingan menjaga dan mengambil berat ahli masyarakat yang memerlukan.

Program ini turut menjadi platform terbaik kepada pimpinan masyarakat untuk mendekati rakyat secara lebih dekat tanpa perlu melalui halangan birokrasi yang menyukarkan rakyat. Malah sejak program ini diperkenalkan, ia mula menarik minat



*stake holder* khususnya pimpinan negara untuk menambah bilangan klien di kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

**c) Program Teras Dalam Kembara Kebajikan 1Malaysia  
*Family Care***

Program *Home Help* diiktiraf sebagai program teras dalam Program Kembara Kebajikan 1Malaysia *Family Care* yang telah diangkat sebagai program peringkat nasional oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Program Kembara Kebajikan

1Malaysia *Family Care* telah dirasmikan pelancarannya oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 5 April 2014 dan perasmian penutup oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 29 April 2014 di Parlimen Batang Lupa. Program Kembara Kebajikan 1Malaysia *Family Care* merupakan langkah berterusan kerajaan untuk menyemarakkan budaya kesukarelaan di kalangan rakyat.

#### **d) Menerima Kepercayaan Untuk Menjadi Rakan Strategik**

Dalam usaha untuk meneruskan kecemerlangan, JKM sedang berusaha untuk merintis kerjasama dengan Kementerian

Pendidikan Malaysia (KPM) dan Yayasan Budi Penyayang bagi melaksanakan Program *Home Help* dengan melibatkan sukarelawan di kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di 24 buah universiti. Usaha ini diharap akan dapat melahirkan lebih ramai sukarelawan muda dan lebih penting dari itu ia secara tidak langsung dapat menanam semangat tolong menolong dan bantu membantu di kalangan masyarakat selaras dengan keperluan mewujudkan masyarakat penyayang.

JKM juga berhasrat meluaskan hubungan dengan pihak korporat dengan cara menggalakkan penglibatan mereka untuk menyalurkan dana kepada PSK bagi menampung kos pelaksanaan Program *Home Help*. Menerusi cara ini ia akan dapat membangun dan memperluaskan sistem penjagaan berasaskan komuniti melalui kerjasama/gabungan sektor awam, swasta dan masyarakat setempat.

24. Pada tahun 2015, Program *Home Help* telah menjadi KPI Ketua Setiausaha (KSU), KPWK M apabila program ini disenaraikan dalam Pelan Transformasi KPWK M (PTKPWK M). Mengikut pelan ini, sasaran untuk tahun 2015 hingga 2017 ialah sebanyak 640 orang

klien baru dan 642 orang klien pada tahun 2018. Sasaran jangka panjang ini bertujuan untuk memastikan sasaran sejumlah 8,880 orang klien mendapat perkhidmatan di 222 buah kawasan Parlimen di seluruh Malaysia. Di bawah PTKPWM ini, Program *Home Help* berfungsi sebagai program yang berupaya meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui aktiviti kesukarelaan.

25. Program *Home Help* juga menjadi salah satu daripada Pelan Tindakan RMK11. Teras 1: Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama bertujuan untuk meningkatkan penglibatan NGO dan sektor swasta serta memperkukuh sistem

perlindungan sosial warga emas. Sehubungan dengan itu, Program *Home Help* bukan sahaja menjadi alternatif terbaik sebagai solusinya tetapi ia juga berupaya untuk membina dan memperkasa komuniti warga emas supaya dapat menjalani kehidupan dengan selesa dan sejahtera.

## **CABARAN**

Saudara-saudari sekalian,

26. Mendaftarkan sukarelawan mungkin mudah, tetapi untuk melahirkan sukarelawan yang sejati bukanlah tugas yang mudah.

Untuk menjadi sukarelawan yang hebat, tuan / puan perlu mempersiapkan diri agar dapat melaksanakan kerja dengan baik dan teratur. Pastikan dahulu apakah bidang kerja sukarela yang ingin diceburi dan tentukan siapakah pihak sasaran tuan / puan. Pengetahuan dan kemahiran-kemahiran asas yang berkenaan juga penting. Malahan, dalam konteks perkembangan masyarakat dan persekitaran kita sekarang, sukarelawan seharusnya berkualiti, yakni memahami masyarakat, bersikap positif dalam kerja, berada dalam keadaan bersedia untuk menyumbang, dan dapat berkongsi atau memberikan khidmat dengan lebih sistematik, cekap dan berkesan.

Sumbangan sukarelawan juga seharusnya memberi manfaat kepada pihak sasaran.

27. Sukarelawan mesti memiliki ilmu, sikap, kemahiran, keperibadian dan tingkah laku yang sesuai untuk bekerja dengan komuniti. Sukarelawan semestinya seorang yang prokomuniti, yakni sedia mempelajari dan memahami komuniti serta mengutamakan kepentingan komuniti. Lebih bermakna lagi, jika sukarelawan bersedia melaksanakan kerja-kerja sukarela tanpa dibiaya.

## **PENUTUP**



28. Seminar *Home Help* yang diadakan ini diharap dapat menjadi platform yang bermakna dalam usaha mendapatkan idea baru ke arah mewujudkan satu pasukan kerja yang proaktif dan komited di kalangan pelaksana Program *Home Help*. Ini adalah selari dengan falsafah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) di mana JKM diberi tanggungjawab untuk mengoptimumkan perkhidmatan sukarelawan dalam pelbagai program khususnya dalam menyediakan perkhidmatan sokongan sosial kepada rakyat yang memerlukan.

29. Justeru itu, marilah kita bersama-sama, sehati sejiwa berganding bahu untuk menjadikan Program *Home Help* sebagai perkhidmatan yang dekat dan menyentuh hati rakyat. Menjadi tanda aras (*benchmark*) kepada perkhidmatan program komuniti dan kesukarelaan. Semoga Program *Home Help* terus relevan untuk membina komuniti yang sejahtera.

Sekian, saya sudahi dengan lafaz Wabillah hi taufik Wal Hidayah Wassalam Mualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.